

Profesor Madya tujuh kali gagal STPM

» Pernah kerja sebagai boneka jalanan sara pengajian di maktab

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
mnasaruddin@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Tujuh kali gagal dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tidak pernah mematahkan semangatnya untuk bergelar anak tempatan yang berjaya suatu hari nanti.

Malah, Prof Madya Dr Bustam Kamri, 57, juga pernah bekerja sebagai boneka jalanan ketika mudanya selama lebih lima tahun bagi menyara kehidupan ketika menuntut di Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK), Cheras, di samping

bertujuan menghiburkan masyarakat khususnya kanak-kanak.

Minat mendalam dalam dunia kanak-kanak membuatkan Bustam dahulunya turut dikenali sebagai antara penghibur jalanan paling diminati anak kecil. Beliau juga pernah diundang menjayakan siri rancangan boneka di beberapa stesen televisyen termasuk di TV1 dan TV3.

Usah putus asa

Bustam berkata, kegagalan dalam STPM tidak pernah menghalangnya untuk terus berusaha mencipta kejayaan dan prinsip hidupnya yang dipegang sehingga kini adalah jangan mudah putus asa.

“Saya malu juga dengan kawan-kawan bila kena ulang STPM sampai tujuh kali, tapi kena tebal muka sebab saya mahu belajar dan menjadi seorang yang berjaya.

“Kejayaan juga tidak akan datang kalau tidak dicari,” kata anak kelahiran Muar, Johor yang kini berkhidmat sebagai De-



“**Saya malu dengan kawan-kawan bila kena ulang STPM sampai tujuh kali, tapi kena tebal muka sebab mahu belajar dan menjadi seorang yang berjaya**”

Prof Madya Dr Bustam Kamri
Dekan Fakulti Pengajian Awal
Kanak-kanak di Universiti
Antarabangsa UNITAR

kan Fakulti Pengajian Awal Kanak-kanak di Universiti Antarabangsa UNITAR.

Menceritakan sejarah hidupnya, bapa kepada dua anak ini berkata, selepas menamatkan STPM, beliau berjaya menyumbang pelajaran di peringkat diploma di MPIK sebelum menyumbang ke peringkat ijazah di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau turut ditawarkan biasiswa oleh kerajaan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Lanjutan dalam bidang kanak-kanak di University Southern Connecticut State, Amerika Syarikat (AS) sebelum menyumbang ke peringkat doktor falsafah (PhD) di University Massachusetts (AS).

Rakyat pertama

Kejayaannya mengenggam PhD menjadikan Bustam sebagai rakyat Malaysia pertama mempunyai kelulusan tertinggi daripada luar negara dalam bidang pengajian awal kanak-kanak.

Mengulas lanjut mengenai kejayaan sekarang, Bustam yang juga penasihat kepada Jabatan Ke-

baikan Masyarakat berkata, impiannya kini hanya mahu melihat bidang perkembangan awal kanak-kanak menjadi antara jurusan yang boleh menjana pendapatan lumayan kepada masyarakat dan negara.

Belum tahap cemerlang

Katanya, Malaysia masih belum mencapai tahap cemerlang dalam melahirkan graduan yang boleh menyumbang kepada industri perniagaan berasaskan permainan kanak-kanak.

Jika ada pun beliau berkata, ia tidak lebih daripada hanya tertumpu kepada melahirkan warga pendidik seperti guru prasekolah.

“Sebab itulah menerusi fakulti Pengajian Awal Kanak-kanak (Universiti Antarabangsa UNITAR), kita memberi tumpuan kepada usaha untuk melahirkan graduan yang boleh menyumbang kepada industri, khususnya dalam mencipta serta menghasilkan barang permainan yang penuh kreativiti dan boleh merangsang perkembangan minda kanak-kanak,” katanya.

